

06/11/2000

Lifa angkat martabat seni Malaysia

Salbiah Ani

FESTIVAL Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa) yang berlangsung selama 10 hari mulai 26 Oktober lalu menyaksikan pengisian di luar dugaan apabila penggerak utama Lifa, Datuk Ibrahim Hussein, turut berkarya.

Idea dan semangat Ibrahim untuk berkarya berkobar-kobar pada tengah malam Ahad lalu sekembalinya daripada menyaksikan persembahan artis Itali, Andrea Griminelli, di Barn Thai.

Selama dua jam Ibrahim mencurahkan seluruh hati dan perasaannya menghasilkan lakaran menggunakan cat hitam tanpa henti di atas kanvas yang dibentangkan di atas lantai Yayasan Kebudayaan dan Muzium Ibrahim Hussein (IHMCF).

Kehadiran pengunjung di IHMCF pada waktu pagi sama sekali tidak memberi kesan kepada Ibrahim untuk meneruskan sketsanya di atas kanvas sepanjang 18 meter tanpa menggantung bahan tara itu terlebih dulu daripada gulungan asal.

Kecekapannya bermain dengan idea dan perasaan di atas kanvas tanpa mengira waktu dan persekitaran sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang artis bertaraf dunia yang disegani.

Tidak nampak kecanggungan Ibrahim ketika beliau melakarkan apa yang terpendam dalam benak fikirannya sekalipun sudah lapan bulan beliau tidak berkarya kerana menguruskan Lifa.

Garisan hitam yang mewakili kegembiraan, kesedihan, kepenatan dan kekecewaan dunia seorang artis seperti beliau, tercurah di atas kanvas seperti alunan muzik kegemaran ramai.

Beliau yang merasa lebih bertenaga selepas mencurahkan segala macam perasaan di atas kanvas berkenaan menyimpan hasrat untuk mengatur satu lagi festival kesenian pada masa depan.

Peminat seni di Malaysia berpeluang menyaksikan pelbagai hasil karya seperti lukisan, arca dan kebudayaan sempena Lifa yang menemukan ramai tokoh seni terkenal dari seluruh dunia.

IHMCF yang terletak di Pantai Pasir Tengkorak, Langkawi, turut mempamerkan pelbagai hasil karya Ibrahim selama 35 tahun pembabitannya dalam dunia seni rupa di tanah air dan antarabangsa.

Lifa yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 4 November lalu diadakan sebagai tanda meraikan kecemerlangan dalam kegiatan seni pada alaf baru.

Tuala buruk hotel, tanah hitam, beras terbakar, khemah buatan tangan, Tongkat Ali, papan pemotong daging, dahan pokok dan mentol lampu semuanya menjadi bahan eksperimen penggiat seni yang menjayakan Lifa.

HH Lim, Juhari Said, Hasnul Jamal Saidon, Ahmad Fuad Osman dan Mohd Faizal Ramli semuanya sibuk menyiapkan hasil kerja masing-masing tanpa memilih sama ada dalam atau di luar IHMCF.

Ho Say Yong, Chuah Chong Yong dan Wong Chee Meng pula beraksi di Laman Padi yang terletak di Pantai Chenang manakala Susylawati Sulaiman memilih Kuah sebagai lokasi untuknya dalam Lifa.

Sebahagian besar daripada karya seni sempena Lifa itu memberi tumpuan kepada pembangunan Langkawi dan tidak ketinggalan keindahan pulau terbabit selain legenda Mahsuri yang menjadi sebutan sehingga hari ini.

Pameran fotografi bertema Portfolio Malaysia yang berlangsung sempena Lifa mengetengahkan karya terbaik Eric Peris, Silver Gelatin, dan boleh disaksikan di Kompleks Lada di Persiaran Putra.

Selain karya Peris, gambar rakaman Soraya Yusof Talismail, HS Lim,

Herman Foo, Alex Moh, Joseph Tan, Chan Kin Wah dan Cheah Sin Leng, turut dipamerkan pada pameran fotografi itu.

Persembahan Cebu Youth Symphony Orchestra dari Filipina di ruang legar sebuah kompleks beli-belah yang mengambil bahagian dalam Lifa, memberi kepuasan kepada peminat lagu klasik.

Orkestra yang ditubuhkan pada 1991 menjadi bukti kepada warga dunia bahawa penduduk Cebu juga berbakat besar dalam pelbagai genre muzik tetapi tidak dikenali kerana kesukaran mendapatkan penganjur.

Sungguhpun demikian, mereka mula mengadakan konsert di STC Auditorium dan Pusat Kegiatan di bandar raya Cebu pada 1994 manakala konsert pertama menjelajah Cebu pada 1995.

Demonstrasi seni Ikebana oleh Machiko Nakayama, kumpulan penari topeng Bali dan Flamenco (menari tanpa kasut), La Chunga serta gitar pengiringnya, Paco Prada dari Sepanyol, turut menarik perhatian khalayak Lifa.

(END)